## SOALAN-SOALAN LAZIM

## RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 2019

### SOALAN LAZIM - PERKARA-PERKARA DASAR

1. Apakah rasional pindaan terhadap Akta Syarikat 2016 melalui Rang Undang-Undang ini?

   Pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk menjelaskan beberapa peruntukan di dalam Akta Syarikat 2016 yang tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan teratur. Pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang ini tidak mengubah atau menjejaskan polisi asal yang telah dipersetujui oleh Parlimen ketika Akta Syarikat 2016 diluluskan.Sebaliknya, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk menjelaskan peruntukan-peruntukan yang dikenalpasti bagi membolehkan polisi yang telah dipersetujui dapat dilaksanakan dan dipatuhi sepenuhnya oleh syarikat atau pengarah.

2. Apakah kepentingan pindaan yang dicadangkan?

   Secara amnya, pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk menambahbaik dan menjelaskan prosedur dalaman sesuatu syarikat ke arah tadbir urus yang lebih teratur dan efektif. Di samping itu, pindaan terhadap seksyen 433 juga bertujuan memberikan prosedur yang lebih jelas berhubung pembaharuan lesen penyelesai.

3. Adakah pindaan ini akan melibatkan kos tambahan kepada syarikat?

Pindaan yang dicadangkan ini tidak akan melibatkan sebarang kos tambahan kepada syarikat memandangkan pindaan ini hanya menjelas dan menambahbaik prosedur sedia ada.

**SOALAN LAZIM - BERKAITAN PINDAAN YANG DICADANGKAN**

| **Bil.** | **CADANGAN PINDAAN** | **SOALAN-SOALAN LAZIM** |
|---|---|---|
| 1. | **Definition of “subsidiary and holding company”**<br><br>4. (1) Subject to subsection (3), a corporation shall be deemed to be a subsidiary of another corporation, but only if—<br>(a) the other corporation— | **Apakah perbezaan peruntukkan baharu yang dipinda dengan peruntukkan sedia ada dalam Akta Syarikat 2016?**<br><br>Subperenggan 4(1)(a)(iii) dipinda bagi memberi maksud yang lebih jelas bahawa bagi tujuan pengiraan pemegangan syer dalam syarikat, pengiraan perlu dirujuk kepada jumlah bilangan saham yang diterbitkan dan bukannya nilai keseluruhan syer. Pindaan ini adalah selaras dengan rejim syer tanpa nilai tara (no par value regime) yang |

| | | |
|---|---|---|
| | (i) controls the composition of the board of directors of the corporation;<br>(ii) controls more than half of the voting power of the corporation; or<br>(iii) holds more than half of the total number of issued shares of the corporation, excluding any part of the share capital which consists of preference shares; | memberi penekanan kepada jumlah syer berbanding nilai syer dalam menentukan pemegangan syer dalam suatu syarikat. |
| 2. | **Execution of documents**<br><br>66. (6) For the purposes of this section, 'document' means "a document which is required to be executed pursuant to | **Apakah impak pindaan seksyen 66 ini?**<br><br>Takrif '*dokumen*' yang diperuntukkan di bawah seksyen 2 Akta Syarikat 2016 memberikan takrifan yang sangat luas yang meliputi pelbagai jenis dokumen. Subseksyen 66(6) dimasukkan bagi membolehkan syarikat melaksanakan penyempurnaan dokumen |

| | | |
|---|---|---|
| | subsection (1) by any written law, resolution, agreement or constitution". | mengikut peruntukan seksyen 66 terhadap dokumen tertentu sahaja dan bukannya terhadap dokumen-dokumen syarikat secara keseluruhannya. Pindaan ini membolehkan syarikat menjalankan urusan harian secara lebih efektif. |
| 3. | **Preference shares**<br><br>72. (4) Subject to subsections (5) and (6), the shares shall be redeemable only if the shares are fully paid up and the redemption shall be out of—<br>*(a)* profits;<br>*(b)* a fresh issue of shares; or<br>*(c)* capital of the company.<br><br>(5) Where any such shares are redeemed out of profits pursuant to paragraph 4*(a)* which would otherwise | **Apakah perbezaan peruntukkan baharu yang dipinda dengan peruntukkan sedia ada dalam Akta Syarikat 2016?**<br><br>Subseksyen 72(4) dipinda untuk menjelaskan bahawa peruntukan ini hanya terpakai kepada penebusan syer keutamaan menggunakan keuntungan syarikat dan ia tidak termasuk terbitan syer baharu atau modal syarikat. |

| | | |
|---|---|---|
| | have been available for dividend, there shall be transferred into the share capital accounts of the company, a sum equal to the amount of the shares redeemed.<br><br>(6)-(7) No amendment. | |
| 4. | **Power of company to alter its share capital**<br><br>84. (1) Unless otherwise provided in the constitution, a company may alter its share capital in any one or more of the following ways by passing a resolution to—<br>(a) consolidate and divide all or any of its share capital, the proportion between the amount paid and the amount, if any, unpaid on each subdivided share shall be the same as it | **(i) Kenapakah perkataan "*special*" dipotong dari peruntukkan Akta Syarikat 2016?**<br>**(ii) Apakah impaknya ke atas pemegang syer yang sedia ada?**<br><br>Subseksyen 84(1) dipinda supaya syarikat boleh mengubah modal syernya melalui suatu ketetapan biasa berbanding ketetapan khas yang memerlukan peratusan pemegang syer yang lebih tinggi dalam meluluskan ketetapan tersebut.<br><br>Cadangan pindaan ini dibuat memandangkan tiada perubahan terhadap peratusan pegangan syer oleh pemegang syer dan kuasa undian masih tetap dikekalkan, maka ketetapan biasa boleh diguna pakai untuk mengubah modal syer syarikat. |

| | | |
|---|---|---|
| | was in the case of the share from which the subdivided share is derived; | Tambahan pula, peruntukan semasa menimbulkan implikasi praktikal untuk syarikat tersenarai yang mungkin tidak dapat menjalankan prosedur ini akibat keperluan peratusan undi yang lebih besar untuk meluluskan ketetapan khas. |
| 5. | **Disallowance or confirmation of variation by Court**<br><br>93. (2) An application under subsection (1)—<br>*(a)* shall be made within thirty days from the date on which the variation is made; and<br>*(b)* may be made on behalf of the shareholders <u>representing at least ten per centum of the total voting rights in the class</u> by any shareholder appointed in writing | **Kenapakah pindaan ini mengehadkan bantahan dari pemegang-pemegang syer yang memegang sekurang-kurangnya 10% pemegang syer dalam kelas syer tersebut?**<br><br>Pindaan yang dicadangkan adalah untuk menjelaskan bahawa permohonan bantahan untuk mengubah hak kelas syer hanya boleh dibuat oleh pemegang saham bagi kelas syer tertentu yang telah dilantik secara bertulis oleh sekurang-kurangnya 10% dari pemegang saham kelas tersebut.<br><br>Ini adalah selaras dengan peruntukkan subseksyen 93(1) AS 2016. |

| | | |
|---|---|---|
| | by all the shareholders in that class. | |
| 6. | **Accounting periods of companies within the same group**<br><br>247(3) If the directors of the holding company are of the opinion that there is good reason why the financial year of any of its subsidiaries should not coincide with the financial year of the holding company, the directors may apply in writing to the Registrar not less than thirty days before the circulation of the financial statements of the holding company for an order authorizing any subsidiary to continue to have or to adopt, as the case requires, a financial | **Apakah rasional untuk memperkenalkan suatu tempoh masa sekurang-kurangnya 30 hari diberi kepada Pendaftar?**<br><br>Subseksyen 247(3) dipinda untuk memberi masa kepada Pendaftar dalam pemprosesan permohonan.<br><br>Di samping itu, ia juga menjelaskan prosedur yang perlu dipatuhi dan untuk mengelakkan penyalahgunaaan proses untuk mendapatkan relif dengan memasukkan permohonan yang terlalu hampir dengan tarikh penyata kewangan patut disiapkan. |

| | | |
|---|---|---|
| | year which does not coincide with that of the holding company. | |
| 7. | **Contents of directors' report**<br><br>253. (1) A directors' report for a financial year in relation to a company shall contain—<br><br>*(a)* the name of every person who was a director of the company—<br>(i) during the financial year; and<br>(ii) during the period commencing from the end of the financial year and ending on the date of the report; | **Apakah impak pindaan ini kepada kandungan laporan pengarah untuk laporan tahunan syarikat?**<br><br>Subseksyen 253(2) dipinda untuk menjelaskan bahawa syarikat yang dinyatakan di bawah peruntukan ini adalah syarikat yang dirujuk dalam subseksyen (1) dan tiada impak ke atas amalan penyediaan laporan pengarah yang sedia ada oleh pengarah syarikat |

| | | |
|---|---|---|
| | *(b)* the principal activities of the company in the course of the financial year including its subsidiaries; and<br>*(c)* the matters set out in the Fifth Schedule.<br>(2) This section shall have effect in relation to a directors' report required to be prepared under section 252 as if a reference to the company in subsection (1) is a reference to—<br>*(a)* the company; and<br>*(b)* the subsidiary undertakings included in the consolidated financial statements for the financial year. | |

| | | |
|---|---|---|
| 8. | **Expenses of circulation**<br><br>304. Unless the company resolves otherwise—<br><br>*(a)* the expenses of the company in complying with section 303 shall be paid by the members who requested the circulation of the resolution; and<br>*(b)* the company shall not be bound to comply with section 303 unless there is deposited with or tendered to the company, not later than one week before the company becomes subject to the requirement under section 302 to circulate the resolution, a sum | **Apakah impak pindaan ke atas seksyen 304 ini?**<br><br>Cadangan pindaan kepada perenggan 304*(a)* dan (b) adalah untuk memperjelaskan bahawa peruntukan merujuk kepada prosedur mengedar ketetapan bertulis yang dicadangkan oleh anggota dan bukannya mesyuarat atau pernyataan dan tiada impak ke atas amalan syarikat yang sedia ada. |

| | | |
|---|---|---|
| | reasonably sufficient to meet the company expenses in doing so. | |
| 9. | **Annual general meeting**<br><br>340. (1) Every public company shall hold an annual general meeting in every calendar year in addition to any other meetings held during that period, to transact the following business:<br><br>*(a)* the laying of audited financial statements and the reports of the directors and auditors;<br>*(b)* the election of directors in place of those retiring; | **Kenapakah pindaan 'fee of directors' digantikan dengan '*remuneration of auditors'*?**<br><br>Perenggan 340(1)*(c)* dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan '*fee of directors*' dengan '*remuneration of auditors*' supaya syarikat awam wajib mengadakan mesyuarat agung tahunan setiap tahun untuk menjalankan urusan pelantikan dan penetapan saraan juruaudit.<br><br>Pindaan ini adalah untuk menjelaskan bahawa saraan juruaudit perlu dipertimbangkan dalam suatu mesyuarat agung tahunan memandangkan peruntukan berkaitan penetapan saraan juruaudit di bawah seksyen 274 tidak menyebut bahawa saraan tersebut hendaklah ditentukan di suatu mesyuarat agung tahunan sepertimana yang diamalkan di bawah subseksyen 172(16) Akta Syarikat 1965. |

| | | |
|---|---|---|
| | *(c)* the appointment and the fixing of the remuneration of auditors;<br>*(d)* any resolution or other business of which notice is given in accordance with this Act or the constitution.<br><br>(2)-(6) No amendment. | Penetapan fi pengarah adalah dilaksanakan di bawah subseksyen 230(1) Akta Syarikat 2016. |
| 10. | **Powers of receiver or receiver and manager on liquidation**<br><br>386. (1) After the ~~appointment of a receiver or receiver and manager under section 385~~ the commencement of a winding up of a company— | **Kenapakah seksyen 386 dipinda?**<br><br>Pindaan dibuat kepada subseksyen 386(1) untuk menjelaskan kuasa-kuasa penerima atau penerima dan pengurus selepas syarikat digulungkan.<br><br>Cadangan untuk memecahkan perenggan 386(1)*(b)* adalah untuk menjelaskan bahawa penerima dan pengurus mempunyai kuasa penerima di bawah perenggan 386(1)*(a)*. Manakala perenggan |

| | | |
|---|---|---|
| | *(a)* a receiver may continue to act as a receiver and exercise all the powers of a receiver in respect of property or assets secured under the debenture appointing the receiver;<br><br>*(b)* a receiver and manager may continue to act as a receiver as referred to in paragraph *(a)*; and<br><br>*(c)* a receiver and manager may continue to exercise all the powers of a receiver and manager for the purpose of carrying on the business of the company provided that the receiver and manager obtains consent from the liquidator or if the liquidator withholds his consent, the consent of the Court. | 386(1)(c) yang baharu menjelaskan bahawa penerima dan pengurus juga boleh meneruskan perniagaan syarikat yang digulungkan dengan kebenaran penyelesai atau mahkamah.<br><br>**PINDAAN**<br><br>**Fasal 11 telah dipinda supaya polisi asal Akta Syarikat 2016 dikekalkan.**<br><br>**Pindaan Fasal 11 adalah seperti berikut :**<br><br>**Fasal 11 Rang Undang-Undang dipinda—**<br><br>**(a) dengan memotong perenggan (a); dan**<br><br>**(b) dengan menomborkan semula perenggan (b), (c) dan (d) sebagai perenggan (a), (b) dan (c).** |

| | | |
|---|---|---|
| 11. | **Dismissal of application for judicial management order**<br><br>409. Subject to subsection 405(5), the Court shall dismiss an application for a judicial management order if it is satisfied that—<br><br>(a) a receiver or receiver and manager referred to in subparagraph 408(1)(b)(ii) has been or will be appointed;<br><br>or<br><br>(b) the making or the order is opposed by a secured creditor. | Kenapakah seksyen 409 dipinda dengan menggantikan perkataan 'and' selepas perenggan (a) dengan perkataan 'or'?<br><br>Pindaan kepada seksyen 409 dibuat bagi membolehkan Mahkamah menolak suatu permohonan untuk mendapatkan perintah pengurusan kehakiman sekiranya wujudnya salah satu situasi yang disebut di bawah peruntukan ini.<br><br>Sekiranya tidak dipinda, kuasa Mahkamah di bawah peruntukan ini hanya boleh dilaksanakan sekiranya kedua-dua situasi yang tersebut dipatuhi. Perkara ini adalah tidak selari dengan polisi untuk memberi perlindungan kepada pemiutang bercagar.<br><br>Objektif polisi yang dipersetujui sewaktu Akta 777 diluluskan adalah supaya pemiutang bercagar mempunyai hak untuk menentang petisyen bagi perintah pengurusan kehakiman jika penerima dan pengurus akan dilantik atau pembuatan perintah itu ditentang oleh orang yang berhak untuk melantik seorang penerima dan pengurus, contohnya seorang pemegang debentur. |

| | | |
|---|---|---|
| 12. | **Qualification of liquidator**<br><br>433. (1) Subject to this section, a person other than the Official Receiver who is appointed interim liquidator or liquidator in a winding up by the Court shall not, except with the leave of the Court, be qualified for an appointment as an interim liquidator or liquidator of a company if—<br><br>*(a)* he is not an approved liquidator;<br>*(b)* he is indebted to the company or to a corporation that is deemed to be related to the company by virtue of section 7 in an amount exceeding twenty-five thousand ringgit; | **Kenapakah seksyen 433 Akta Syarikat dipinda?**<br><br>Subseksyen 433(2) dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "*Paragraphs (1)(a) and (c)*" dengan perkataan-perkataan "*Paragraphs (1)(a), (c), (d) and (e)*" untuk menjelaskan seorang individu yang boleh dilantik sebagai penyelesai sementara atau penyelesai untuk suatu syarikat di bawah penggulungan sukarela anggota atau penggulungan sukarela pemiutang.<br><br>**Apakah rasional untuk memperkenalkan 3 subseksyen baharu iaitu subseksyen 433(4A), (4B) dan (4C) dalam Akta Syarikat 2016?**<br><br>Ketiga-tiga subseksyen ini dimasukkan untuk mengekalkan keperluan dasar yang sama dengan peruntukan subseksyen 263(3), (4) dan (5) Akta Syarikat 2016 iaitu untuk memperuntukkan kuasa yang membolehkan Menteri dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan: |

| | | |
|---|---|---|
| | *(c)* he is an officer of the company;<br>*(d)* he is a partner, employer or employee of an officer of the company;<br>*(e)* he is a partner or employee of an employee of an officer of the company;<br>*(f)* he assigns his estate for the benefit of his creditors or has made an arrangement with his creditors under any law relating to bankruptcy;<br>*(g)* he becomes bankrupt; or<br>*(h)* he is convicted of an offence involving fraud or dishonesty punishable on conviction by imprisonment for three months or more. | (a) untuk membatalkan pada bila-bila masa orang yang diluluskan sebagai penyelesai;<br>(b) memperbaharui kelulusan penyelesai bagi tempoh dua tahun selepas tarikh keluaran kecuali dibatalkan terlebih dahulu oleh Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan; dan<br>(c) untuk mewakilkan kuasanya kepada mana-mana orang atau kumpulan orang.<br><br>Pada masa ini Jabatan Akauntan Negara diberi tanggungjawab oleh Menteri Kewangan untuk menjalankan tugas-tugas melesenkan penyelesai dan juruaudit syarikat. |

| | | |
|---|---|---|
| | (2) Paragraphs (1)*(a)*, *(c)*, *(d)* and *(e)* shall not apply to—<br>*(a)* a members' voluntary winding up; or<br>*(b)* a creditors' voluntary winding up if, by a resolution carried by a majority of the creditors in number and value present in person or by proxy and voting at a meeting of which seven days' notice has been given to every creditor stating the object of the meeting, it is determined that paragraphs (a), *(c)*, *(d)* and *(e)* or either of that paragraph shall not apply.<br>(3)-(4) No amendment. | |

| | | |
|---|---|---|
| | New subsections:<br><br>(4A) Any approval granted by the Minister under subsection (4), may be made subject to such limitations or conditions as he thinks fit and may be revoked at any time by him by the service of a notice of revocation on the approved person.<br><br>Every approval under this section including the renewal of approval of a liquidator shall be in force for a period of two years after the date of issue unless sooner revoked by the Minister charged with the responsibility for finance.<br><br>(4C) The Minister may delegate all or any of his powers under this section to any person or body of persons. | |

| | | |
|---|---|---|
| 13. | **Security for costs**<br><br>580A. (1) Where a company is plaintiff in any action or other legal proceeding the court having jurisdiction in the matter may, if it appears by credible testimony that there is reason to believe that the company will be unable to pay the costs of the defendant if successful in his defence, require sufficient security to be given for those costs and stay all proceedings until the security is given.<br><br>(2) The costs of any proceeding before a court under this Act shall be borne by such party to the proceedings as the court may, in its discretion, direct. | **Apakah tujuan untuk memperkenalkan seksyen baharu berkaitan jaminan untuk kos?**<br><br>Seksyen 580A diperkenalkan bagi mengekalkan peruntukan seksyen 351 Akta Syarikat 1965 dengan objektif melindungi kepentingan defendan dalam prosiding di bawah Akta Syarikat.<br><br>Kuasa sedia ada Mahkamah di bawah Aturan 23 k1 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 mungkin tidak mencukupi untuk memperuntukan perlindungan kepada defendan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peruntukan yang dicadangkan. |

| | | |
|---|---|---|
| 14. | **Saving**<br><br>Any order, approval or permission granted under the principal Act before the commencement of this Act shall continue to be in full force until the order, approval or permission expires or is revoked under the principal Act, for which purpose only the principal Act shall continue to be in full force and effect. | **Apakah tujuan untuk memperkenalkan seksyen kecualian baharu ini sedangkan Akta Syarikat 2016 telah ada seksyen sedemikian?**<br><br>Peruntukan baharu ini bertujuan untuk mengadakan suatu tempoh peralihan bagi peruntukan-peruntukan dalam pindaan RUU Syarikat 2019 ini. |